

Ugut penjaga guna senjata palsu lepas tidak dibenarkan tidur di dalam masjid

Pengutip derma ada pistol tiruan

Oleh TENGKU ASYRAF TENGKU SALLEHUDDIN

SUNGAI BULOH – Polis menahan sembilan warga Thailand termasuk dua wanita selepas memiliki senjata api tiruan serta disyaki menjalankan sindiket mengutip derma tanpa permit dalam satu serbuan di Masjid Bandar Baru Sungai Buloh Fasa 3 di sini awal pagi semalam.

Dalam serbuan pada pukul 12.15 tengah malam itu, kesemua suspek berusia lingkungan 14 hingga 50 tahun itu berjaya diberkas oleh pasukan khas Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh ketika sedang tidur di koridor masjid berkenaan.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Abdul Aziz Awang Darus berkata, serbuan itu dilakukan berikutan maklumat daripada penjaga masjid tersebut apabila diugut oleh salah seorang suspek mengu-



ABDUL AZIZ (tengah) menunjukkan pistol tiruan dan wang derma yang dirampas pada sidang akhbar di IPD Sungai Buloh semalam.

nakan pistol tiruan selepas tidak dibenarkan untuk tidur di dalam masjid berkenaan.

“Hasil pemeriksaan lanjut, polis menemui dua bilah pisau masing-masing sepanjang 0.2 dan 0.3 meter ditemui diselit pada pinggang dua daripada suspek lelaki selain merampas lima buah telefon bimbit, empat tabung derma, wang tunai berjumlah RM1,500 dan tiga buku resit derma.

“Selain itu, polis turut menjumpai empat pistol tiruan yang diubah suai iaitu dua jenis Colt Defender, Azzuri dan K-66 bersama 123 butir bebuli besi di dalam but kereta Toyota Vios dan kenderaan pacuan empat roda Mitsubishi Triton yang dinaiki mereka,” katanya pada sidang akhbar di IPD Sungai Buloh di sini semalam.

Menurut Abdul Aziz, kese-



Di Masjid Bandar Baru Sungai Buloh inilah sembilan anggota sindiket mengutip derma warga Thailand ditahan bersama senjata tiruan ketika sedang tidur semalam.

mua suspek memasuki negara ini pada akhir bulan lalu menggunakan visa pelancong dan dipercayai menjalankan sindiket mengutip derma tanpa permit di sekitar Selangor termasuk Ampang Jaya, Petaling Jaya dan Bangi untuk pembinaan sebuah pusat tahfiz.

“Polis percaya mereka memasuki negara ini secara berkalanya untuk menjalankan sindiket

tersebut untuk mengaburi mata pihak berkuasa. Kesemua suspek direman selama empat hari sehingga Jumaat ini bagi membantu siasatan,” ujarnya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 36 Akta Senjata Api 1960 kerana memiliki senjata tiruan dan Seksyen 6(1) Akta Bahan-bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 kerana memiliki senjata berbahaya.

Dua tertuduh kes dadah dalam cecair vape mohon representasi


SHAH ALAM – Dua kenalan masing-masing seorang bekas guru dan bekas tentera yang berhadapan dengan kes melibatkan dadah di dalam cecair vape atau rokok elektronik akan mengemukakan representasi ke Jabatan Peguam Negara bagi mengkaji semula pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka.

Tertuduh, Azhariza Zakaria, 41, dan Zaki Mohd Ali, 35, masing-masing diwakili peguam mereka, Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid serta Mohd Hazrin Alif Wahab memaklumkan perkara itu kepada Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Wong Teck Meng ketika kes mereka disebut semalam.

Terdahulu, pendakwaan yang diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Fairuz Johari memaklumkan kepada mahkamah bahawa laporan kimia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kimia Malaysia mengesahkan bahawa dadah dalam kes itu adalah 155 miligram delta-9-tetrahydrocannabinol.

Mahkamah kemudian menetapkan 26 Januari depan sebagai tarikh keputusan representasi itu.

Pada 18 Disember tahun lalu,



ZAKI (tengah) dan Azhariza (kanan) diiringi anggota polis ketika dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam.



KERATAN Kosmo! 19 Disember 2015.

Azhariza dan Zaki serta seorang wanita, Shazlina Azlin Mat Daud, 37, didakwa di Mahkamah Majistret Ampang atas pertuduhan mengedar bahan disyaki dadah jenis kanabis seberat 2,060 gram di sebuah rumah No 1, Tingkat 18, Blok N, Seri Maya Condo, Jalan Jelatek 2, Ampang, pada 9.30 malam,

pada 7 Disember 2015.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Dalam pada itu, Ahmad Shamil ketika ditemui di luar mahkamah memberitahu, pihaknya akan mengemukakan representasi kerana di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak menyatakan berat minimum walaupun dadah jenis Delta 9-Tetrahydrocannabinol tersenarai di bawah Jadual Pertama.

Beliau menambah, representasi itu akan dikemukakan dalam masa terdekat.

Mayat mangsa lemas Sungai Pahang ditemui

JERANTUT – Mayat seorang lelaki yang dipercayai lemas di Sungai Pahang berhampiran Pam Air Kampung Gintong di sini Ahad lalu akhirnya berjaya ditemui semalam.

Mayat mangsa, Le-bary @ Zaheri Basir (gambar kecil), 60, ditemui kira-kira pukul 9 pagi tersangkut pada pokok berhampiran Kampung Tebing Tinggi kira-kira tiga kilometer dari tempat mangsa dilaporkan hilang.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jerantut, Fariz Ab. Rahim berkata, mayat mangsa ditemui oleh anggota bomba yang membuat rondaan menggunakan



bot sebaik operasi mencari dan menyelamatkan disambung semalam.

“Mayat mangsa ditemui dalam keadaan tertiarap dan lengkap berpakaian,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut Fariz, operasi mencari selama tiga hari itu turut melibatkan Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam dan penduduk kampung.

Dalam kejadian pukul 5 petang itu, mangsa yang berasal dari Kampung Paya Jejawi, Temerloh memandu bot yang baru dibelinya dengan harga RM5,000 sebelum bot tersebut dipercayai terbalik dan mangsa gagal menyelamatkan diri.



ANGGOTA bomba mengusung mayat Le-bary @ Zaheri yang ditemui tersangkut pada pokok berhampiran Kampung Tebing Tinggi, Jerantut semalam.